



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 MEI 2021 (AHAD)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**9 MEI 2021 (AHAD)**

HARI : AHAD  
TARIKH : 9/5/2021  
M/SURAT : 1



## Peniaga daging enggan jual ikut harga siling musim perayaan

Nasional 8

# Penjual daging ingkar harga siling sedia ke mahkamah

Dakwa terpaksa jual mahal ikut harga pasaran untuk tampung kos

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan peniaga daging tempatan kini menjual barang keperluan terbabit mengikut harga pasaran, melebihi paras siling ditetapkan kerajaan menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Kebanyakan peniaga dikatakan menjual daging tempatan pada harga antara RM38 hingga RM42 sekilogram (kg), berbanding RM34/kg seperti ditetapkan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam SHMMP.

Malah, peniaga daging terbabit sedia ke mahkamah jika dikenakan tindakan oleh KPDNHEP kerana melanggar skim harga maksimum itu.

Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Nordin Mat, mendakwa ramai peniaga nekad menjual mengikut harga pasaran, melebihi paras siling SHMMP kerana kos tinggi yang ditanggung mereka.

"Kami nekad tidak akan ikut harga RM34 (ditetapkan dalam SHMMP) sebab memang tidak boleh tampung kos. Jika dikenakan tindakan, kami akan bawa ke muka pengadilan.

"Kami dimaklumkan ada pe-

niaga sudah dikenakan amaran kerana melanggar harga siling ditetapkan.

"Kami sudah menubuhkan Sekretariat Bangsa Penternak untuk membantu golongan peniaga daging dan penternak jika ada yang dikenakan tindakan oleh KPDNHEP," katanya kepada BH, semalam.

Nordin mendakwa, harga RM34 yang ditetapkan kerajaan menerusi SHMMP menyebabkan golongan penternak dan peniaga daging terpaksa menanggung kerugian.

"Sekarang harga paling bersesuaian ialah RM38 hingga RM42 sekilogram, harga kos adalah lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, kami minta kerajaan naikkan harga siling

pada kadar sepatutnya kerana ia memberi masalah besar buat kami," katanya.

Justeru itu, Nordin berkata, pihaknya juga sudah menyerahkan memorandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan KPDNHEP berhubung perkara itu.

Beliau berkata, bagi penternakan lembu, kos paling tinggi adalah membabitkan makanan yang merangkumi sebanyak 75 peratus.

Sehubungan itu, katanya, ramai peniaga daging kini terpaksa menjual pada harga melebihi SHMMP bagi mengelak menampung kerugian.

Nordin berkata, bagi penggunaan sepanjang Ramadan, penghasilan terhadap bekalan daging lembu melonjak kepada lebih 10,000 tan.

Beliau berkata, secara keseluruhan GTR menghasilkan sekitar 30 hingga 40 tan bekalan daging tempatan setahun.



Nordin Mat

# 78 mainan kanak-kanak tanpa pelekat MC disita

Premis diserbu gagal isytihar produk patuhi standard keselamatan

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor Cawangan Kajang menyerbu sebuah premis di sebuah pusat-belah di Seri Kembangan kerana menjual permainan kanak-kanak tanpa pelekat keselamatan pematuhan standard Malaysian Conformity (MC), kelmarin.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata dalam serbuan itu, pihaknya menyita 78 unit mainan kanak-kanak dianggarkan bernilai RM4,832.

"Premis ini didapati menjual barang mainan kanak-kanak tanpa pelekat MC, sekali gus gagal membuat perisyiharan barang mainan itu mematuhi standard keselamatan."

"Ia menjadi satu kesalahan mengikut Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan Dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2010 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999," katanya dalam satu



Anggota KPDNHEP Selangor cawangan Kajang memeriksa permainan kanak-kanak dalam serbuan di premis sebuah pusat-belah di Seri Kembangan, kelmarin.

kenyataan, semalam.

Muhamad Zikril Azan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 20 Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana menawarkan barang atau perkhidmatan tidak mematuhi standard keselamatan ditentukan di bawah Seksyen 19.

Siasatan turut dijalankan me-

ngikut Peraturan 4 (2), Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang menyarangkan pemilik produk perlu mengisytihar mainan dijual mematuhi standard keselamatan dalam bentuk perakuan pematuhan.

Mainan kanak-kanak termasuk dalam satu daripada enam jenis barang pengguna yang di-

kawal selia KPDNHEP dan perlu mematuhi standard keselamatan.

Sebarang mainan kanak-kanak 14 tahun ke bawah di pasaran perlu mempunyai logo MC bertujuan memastikan mainan itu selamat digunakan pengguna, terutama kanak-kanak.

## 78 mainan tanpa pelekat MC dirampas

PETALING JAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 78 unit mainan kerana tidak mempunyai pelekat Malaysian Conformity atau 'MC' selepas menyerbu sebuah premis di Seri Kembangan kelmarin.

Serbuan oleh sepasukan anggota dan pegawai dari pada KPDNHEP Selangor dan Cawangan Kajang itu dilakukan susulan aduan orang awam berkenaan kegiatan tidak bertanggungjawab peniaga menjual mainan kanak-kanak tanpa pelekat keselamatan MC.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, premis yang diserbu itu terletak di dalam sebuah pusat beli-belah di kawasan terbabit.

Beliau berkata, siasatan awal pihaknya mendapati kesemua

mainan itu tidak mempunyai pelekat (MC) sekali gus gagal membuat deklarasi bahawa barang itu selamat.

"Adalah menjadi satu kesalan di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan Dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2010 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Sernama serbuan, ada seorang lelaki warga tempatan di dalam premis berkenaan dan dia mengaku bertanggungjawab ke atas premis tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Muhamad Zikril berkata, kesemua barang tersebut kemudian dirampas untuk siasatan lanjut dan jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM4,832.00.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Perlindungan Pengguna 1999.



SEBAHAGIAN daripada mainan yang dirampas KPDNHEP dalam serbuan di sebuah premis di Seri Kembangan kelmarin.